




ZAKAT FITRAH

“**Sesungguhnya Rasulullah (saw) telah mewajibkan Zakat Fitrah, pada bulan Ramadan satu sa' kurma atau satu sa' gandum pada setiap orang yang merdeka, hamba, lelaki atau perempuan dari kaum Muslim.**

[Ibn Umar]

MENGENAI ZAKAT



Zakat ialah rukun Islam ketiga dan merupakan bahagian harta yang ditentukan oleh Allah S.W.T. untuk diagihkan kepada 8 kategori (*asnaf*) yang berhak menerimanya.

Sebagai lambang keadilan sosial Islam, Zakat menyucikan jiwa, membersihkan dan menambahkan harta anda serta menjauhkan kemiskinan.

* Haul: Cukup memiliki harta selama setahun hijrah (355 hari).

Nisab: Harga pasaran emas yang beratnya 86 gram.

8 GOLONGAN PENERIMA (ASNAF) ZAKAT

Tidak seperti sedekah secara biasa, penerima Zakat telah ditetapkan oleh Allah (S.W.T) dalam Surah At-Taubah, ayat 60. 8 golongan penerima ini dikenali sebagai 8 asnaf:

Fakir	Seseorang yang tidak mempunyai harta mahupun mata pencarian; yang sangat sengsara, yang tidak mempunyai apa-apa untuk menampung keperluan harian.
Miskin	Seseorang yang tidak mempunyai mata pencarian yang mencukupi untuk menampung keperluan asas harian.
Amil	Seseorang yang dilantik untuk memungut Zakat dan perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan Zakat.
Muallaf	Seseorang yang baru memeluk agama Islam.
Riqab	Seseorang yang mahu membebaskan dirinya daripada perhambaan. Di Singapura kategori ini dibelanjakan untuk mereka yang memerlukan bantuan meneruskan pendidikan.
Gharimin	Seseorang yang terpaksa berhutang untuk menampung keperluan dasarnya.
Fisabilillah	Seseorang yang berjuang kerana Allah demi kebaikan masyarakat.
Ibnussabil	Musafir yang terkandas dalam perjalanan.

Muis berupaya mengagihkan Zakat anda untuk kesemua 8 asnaf seperti yang dinyatakan dalam Syari'ah (Hukum Islam).


8 RECIPIENTS (ASNAF) OF ZAKAT

Unlike normal charity, the recipients of Zakat have been specified by Allah (S.W.T) in Surah At-Taubah, verse 60. These 8 groups of recipients are known as the 8 asnaf:

Fakir	One who has neither material possession nor means of livelihood; one who suffers, and has no means to sustain his/her daily needs.
Miskin	One with insufficient means of livelihood to meet his/her basic needs.
Amil	One who is appointed to collect Zakat and the expenses incurred in the administration of Zakat.
Muallaf	One who recently embraced Islam.
Riqab	One who wants to free himself/herself from the bondage or shackles of slavery. In Singapore, this category of recipients is spent to those who need help to pursue their education.
Gharimin	One who is in debt but needs assistance to meet his/her basic needs.
Fisabilillah	One who strives in the cause of Allah for the betterment of the community.
Ibnussabil	Stranded travellers on a permissible journey.

Muis is able to distribute your Zakat to all 8 asnaf as described in the *Syari'ah* (Islamic Law).

ABOUT ZAKAT



Zakat is the 3rd pillar of Islam and is the determined share of wealth prescribed by Allah S.W.T. to be distributed to the 8 categories (*asnaf*) entitled to receive it.

A symbol of Islamic social justice, Zakat cleanses your soul, purifies and grows your wealth while eradicating poverty.

* Haul: Possession of the assets for one Hijrah year or 355 days.

Nisab: Market value of 86 gram of gold.



ZAKAT FITRAH

“**The Messenger of Allah has made obligatory the Zakat Fitrah in the month of Ramadan, making it one sa' of dates or one sa' of barley, on every Muslim, free or slave, male or female.**

[Ibn Umar]

ZAKAT FITRAH

Zakat Fitrah is also known as Zakat on the Person, Zakat of Ramadan or Zakat Fitri. Zakat Fitrah was obliged in the second year of Hijrah, the same year that fasting in Ramadan was made obligatory.

Zakat Fitrah is prescribed as a means of purification for the person who fasts, redressing wrong deeds and undesirable words uttered during fasting. Zakat is also a relief-aid to the needy.

CONDITIONS FOR OBLIGATORY ZAKAT FITRAH

- Muslim.
- Possess something (food, goods or cash) in excess of his own needs and all his dependants for the day and night of Eidul Fitri.
- To observe both periods of end of Ramadan and beginning of Syawal. A person who dies before sunset and a child born after sunset on the night before first of Syawal, are exempted from paying Zakat Fitrah.

Zakat Fitrah is an obligation on the person and his dependants such as his wife, children who have not reached maturity and parents. If he is unable to pay Zakat Fitrah for himself and/or his dependants due to certain difficulties, his dependants may pay Zakat Fitrah for themselves and/or for him with his permission. What is important is that Zakat Fitrah payment has been made for every individual.

DIFFERENCE BETWEEN ZAKAT FITRAH AND ZAKAT ON WEALTH

Zakat Fitrah	Zakat on Wealth
Aim on every person	Aim on wealth
Paid within stipulated time	No stipulated time
Amount is low and all Muslims are required to pay the same amount	Dependent on the amount of wealth the giver has

ZAKAT FITRAH RATES

The Zakat Fitrah rate that is obligatory on every person is one sa' or 2.3kg of the staple food of the territory in which the person is in. In Singapore, the staple food is rice.

Since 2005, Muis has introduced a two-tier Zakat Fitrah rate. This is in accordance with the *Syari'ah* and allows the payer to choose the rate that is most suitable for them based on their daily consumption.

Normal Rate

Based on the average price of 2.3kg of rice (normal/ average grade) that is consumed as a staple.

Higher Rate

Based on the average price of 2.3kg of rice (higher grade) that is consumed as a staple.

The objective of the two-tier system is to provide the ability for everyone to be able to fulfil their Zakat Fitrah obligation and for those who can afford to pay more to do so to further help those in need.

WHEN TO PAY ZAKAT FITRAH

Zakat Fitrah payment can be made throughout the month of Ramadan but must be before the start of Eidul Fitri prayers. If it is paid after Eidul Fitri prayers it becomes just an ordinary charity.

WHERE TO PAY ZAKAT FITRAH

Zakat Fitrah is to be paid in the region where the person meets the arrival of Maghrib ending Ramadan. If during that duration he is in a journey and there is no one suitable to receive Zakat Fitrah, the person then needs to pay his Zakat Fitrah at his place of destination upon arrival.

HOW TO PAY ZAKAT FITRAH IN RAMADAN

There are various methods for Muslims in Singapore to pay their Zakat Fitrah during the month of Ramadan:

Authorised Muis Zakat Collection Centres
Cheque (made payable to Muis)
Online payment through Debit eNets at www.zakat.sg
AXS stations (community tab)
Fitrah Telepoll

Details of the methods of Zakat Fitrah payment will be made available by Muis during Ramadan.

ZAKAT FITRAH

Zakat Fitrah juga dikenali sebagai Zakat Diri dan Zakat Ramadan/Fitri. Zakat Fitrah diwajibkan pada tahun kedua Hijrah, iaitu tahun diwajibkan puasa dalam bulan Ramadan.

Zakat Fitrah adalah sebagai penyuci orang yang berpuasa dari perkataan-perkataan keji dan buruk yang mereka lakukan sewaktu berpuasa dan untuk menjadi makanan kepada orang yang miskin.

SYARAT WAJIB ZAKAT FITRAH

- Islam.
- Mempunyai sesuatu (makanan, harta atau wang) yang lebih dari keperluan diri sendiri dan keperluan orang yang ditanggung nafkahnya untuk satu hari siang dan malam Eidul Fitri.
- Dapat menemui dua masa iaitu akhir Ramadan dan awal Syawal. Orang yang meninggal sebelum matahari terbenam atau anak yang dilahirkan selepas matahari terbenam malam satu Syawal itu tidak wajib Zakat Fitrah baginya.

Zakat Fitrah adalah wajib bagi seseorang dan orang-orang yang ditanggungnya seperti isterinya, anak-anak yang belum baligh dan ibu-bapanya. Jika dia mempunyai masalah dan tidak mampu membayar Zakat Fitrah untuk dirinya dan tanggungannya, tanggungannya boleh menunaikan Zakat Fitrah untuk diri mereka dan juga untuknya dengan keizinannya. Yang penting adalah pembayaran Zakat Fitrah telah dilaksanakan untuk setiap individu.

PERBEZAAN ANTARA ZAKAT FITRAH DAN ZAKAT HARTA

Zakat Fitrah	Zakat Harta
Zakat atas setiap individu	Zakat atas harta
Mempunyai masa tertentu	Tiada masa tertentu
Mempunyai nilai yang amat rendah dan sama bagi semua pengeluarannya	Tidak mempunyai nilai, kerana ia bergantung kepada jumlah harta yang akan dizakatkan

KADAR ZAKAT FITRAH

Kadar Zakat Fitrah yang wajib dikeluarkan bagi setiap orang ialah satu sa' atau 2.3kg makanan asas sebuah negeri di mana seorang itu berada. Di Singapura, makanan asas adalah beras.

Semenjak tahun 2005, Muis telah memperkenalkan sistem dua kadar Zakat Fitrah. Ini berlandaskan *Syari'ah* dan pembayar boleh memilih kadar yang sesuai berdasarkan makanan harian mereka.

Kadar Biasa

Berdasarkan harga purata 2.3kg beras (gred biasa/ sederhana) yang dimakan sebagai makanan harian.

Kadar Lebih Tinggi

Berdasarkan harga purata 2.3kg beras (gred lebih tinggi) yang dimakan sebagai makanan harian.

Objektif sistem dua kadar ini adalah untuk membolehkan semua untuk menunaikan kewajipan Zakat Fitrah dan bagi mereka yang mampu membayar lebih untuk membuat demikian supaya lebih ramai fakir miskin yang dapat dibantu.

MASA PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH

Zakat Fitrah boleh ditunaikan sepanjang bulan Ramadan tetapi sebelum bermulanya solat Eidul Fitri. Jika ia dibayar selepas solat Eidul Fitri, ia akan menjadi sebagai sedekah biasa sahaja.

TEMPAT PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH

Zakat Fitrah ditunaikan di tempat seseorang itu berada apabila tiba waktu Maghrib di akhir Ramadan. Jika pada masa tersebut dia berada dalam perjalanan dan tidak ada orang yang layak menerimanya, maka hendaklah dikeluarkan Zakat Fitrahnya apabila dia tiba di tempat yang ditujui itu.

CARA BAYARAN ZAKAT FITRAH DALAM RAMADAN

Terdapat berbagai cara yang disediakan untuk umat Islam di Singapura menunaikan Zakat Fitrah mereka dalam bulan Ramadan:

Pusat-Pusat Pungutan Zakat Bertauliah Muis
Cek (ditulis atas nama Muis)
Pembayaran online melalui Debit eNets di www.zakat.sg
Stesen-stesen AXS (butang masyarakat)
Telepoll Fitrah

Muis akan memberikan maklumat mengenai cara-cara pembayaran Zakat Fitrah dalam bulan Ramadan.